



SERAMAI 200 pelajar mengambil bahagian dalam program anjuran iM4U dengan kerjasama Jobstreet.com ini.

'Interns Connect' memudahkan latihan industri siswa



BAGI membantu pelajar institusi pengajian tinggi mendapatkan penempatan latihan industri dengan syarikat tempatan, iMalaysia for Youth (iM4U) dan Jobstreet.com telah bekerjasama menganjurkan program Interns Connect yang berlangsung di Universiti UCSI, baru-baru ini.

Program itu menyediakan platform kepada pelajar tahun akhir untuk ditemuramah wakil daripada syarikat tempatan dan industri pilihan mereka.

Menurut Ketua Pegawai Operasi iM4U, Rudy Malik, program Interns Connect adalah berdasarkan konsep 'suai kenal' yang mana setiap calon akan diberi masa lima minit untuk menonjolkan diri secara profesional kepada majikan yang berpotensi.

"Setiap calon berpeluang berkongsi latar belakang pendidikan, pengalaman kerja, bakat dan penglibatan dalam kerja sukarelawan.

"Interns Connect adalah satu platform yang membantu pelajar untuk mengenali dan menyertai syarikat dan industri pilihan mereka. Ia dapat memberi pendedahan tentang bidang kerjaya pilihan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Daerah Komunikasi Jobstreet.com, Simon Si berkata, program Interns Connect adalah platform terbaik untuk mengasah bakat pelajar dari segi komunikasi dan membina tahap keyakinan diri.

"Kami berbesar hati dapat bekerjasama dengan iM4U dalam program yang membantu pelajar untuk menyertai organisasi dan industri pilihan mereka. Ini memberi peluang kepada mereka sebagai pelatih sebelum menyertai bidang masing-masing," ujarnya.

Program Interns Connect diperkenalkan pada Januari 2015. Seramai 200 pelajar telah mengambil bahagian dalam program tersebut. - DHIAZULHILMI DAUD